

Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Gejala Melepak Di Kalangan Remaja (part 2)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

Kehidupan keluarga yang tidak terurus dengan baik juga merupakan antara faktor utama yang menyebabkan mengapa pelajar melepak. Keluarga yang tidak diurus dengan baik bukan sahaja berfokus kepada keluarga yang menghadapi perpecahan atau perceraian tetapi juga merangkumi keluarga normal yang tidak berfungsi dengan baik. Ini kerana menurut Ab. Alim, (1994), anak-anak akan menjadi jahat dan tidak bersopan santun sekiranya mereka dibiarkan bersendirian tanpa kawalan. Ini adalah fenomena biasa yang dapat dilihat pada masa kini kerana biasanya ibu bapa begitu sibuk dengan kerjaya masing-masing dan tidak meluangkan masa yang secukupnya untuk anak-anak. Segala keperluan asas anak-anak terutamanya dari segi penyampaian ilmu asas agama diletakkan di bawah tanggungjawab pihak sekolah atau sekolah agama semata-mata. Ibu bapa biasanya memberikan alasan kekangan masa yang terhad membataskan mereka untuk meluangkan masa yang berkualiti dengan anak-anak. Keperluan wang ringgit untuk anak-anak biasanya akan dipenuhi oleh ibu bapa dengan mudah tanpa banyak soal ke mana wang yang diberikan akan dibelanjakan oleh anak-anak. Bagi segelintir anak-anak yang tidak mempunyai asas kawalan disiplin diri yang kuat, mudah terpengaruh, asas pendidikan agama yang lemah dan tidak mampu menghadapi cabaran biasanya akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang negatif. Kemampuan dari segi ekonomi dan tiadanya kawalan disiplin dari ibu bapa akan membuka peluang kepada mereka untuk terjebak dengan mudah.

Menurut kajian Manja (1990), hubungan remaja sesama rakan sebaya akan menjadi erat apabila remaja tersebut sudah yakin dengan pemilihan rakan yang sama minat. Apa yang menimbulkan masalah dalam hal ini adalah pemilihan rakan yang negatif secara langsung akan menarik remaja tersebut terlibat sama dengan perlakuan negatif rakannya. Biasanya, bagi anak-anak remaja khususnya, mereka akan memilih jalan mudah untuk melepaskan tekanan dengan cara bersiar-siar atau meluangkan masa bersama rakan-rakan. Bagi remaja yang tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada keluarga terutamanya ibu bapa selalunya mereka akan mencari keseronokan bersama rakan-rakan di luar yang seterusnya akan menjerumuskan mereka dengan gejala tidak sihat. Namun, pada masa kini melepak

bukan sahaja dimaksudkan dengan anak-anak muda berpeleleran dan berbual-bual kosong di pasar raya atau kaki-kaki lima malahan dengan meningkatnya taraf sosioekonomi, remaja lebih gemar menghabiskan masa di kelab-kelab eksklusif atau pusat komputer dengan aktiviti yang tidak berfaedah maka dalam konteks ini mereka juga digolongkan dalam kelompok remaja bermasalah yang gemar melepak.